

# S Jurnal K r i n Malaysia

Vol.1:2004

Fakulti Seni Persembahan

GKG, JURNAL & PANDUAN DATA  
PTAS, UTM, BANGALAN

21 JUL 2009

**Penerbitan Filem Dokumentari: Satu Tinjauan Terhadap Perkembangan Sejarah dan Teknologi**  
*Raja Ahmad Alauddin*

**Metaphors of "The Female" in Malay Movies**  
*Fuziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim*

**Genre and Pleasure: The Case of Malay(sian) Romantic Comedy**  
*Norman Yusoff*

**Fundamentals of Screenwriting: The First Step**  
*Wan Aida Wan Yahaya*

**Penarek Becha: Paradigma dalam Sinema Melayu**  
*Ayu Haswida Abu Bakar*

**Penilaian Semula Status "Industri" Perfileman di Malaysia**  
*Md Rushdi Kubon Md Shariff & Aidi Rahimi Hj Ibrahim*

**Persoalan Ontologi dan Epistemologi dalam Teks Dokumentari**  
*Ibrahim Jamaluddin*

**KOMENTAR**  
**Industri Filem Kita: Permasalahan dan Masa Depan**  
*A Razak Mohaideen*

**CATATAN**  
**Media Elektronik di Malaysia: Suatu Catatan Sejarah Ringkas**  
*Mohd Nordin Abdul Rahman*

**RUANGAN KHAS**  
**Teks Puisi Sebagai Refleksi Imej Alam Melayu**  
*Abd Ghafar Ibrahim*



# KOMENTAR

## Industri Filem Kita: Permasalahan dan Masa depannya

A. Razak Mohaideen

*Walaupun situasi industri perfileman tanahair semakin memperlihatkan kemajuan, terutama dari aspek pungutan tiket dan sambutan penonton, industri ini masih berhadapan dengan pelbagai masalah, termasuklah aspek penayangan dan pengedaran. Komentari ini cuba melihat permasalahan yang masih “membelenggu” industri filem tempatan dan juga masa depannya.*

Kedudukan Industri filem tempatan seolah-olah hidup segan mati tak mahu. Saya pasti ramai di luar sana yang tidak mengetahui keadaan sebenar permasalahan ini. Ramai pula yang hanya tahu menuding jari menyalahkan filem sendiri kerana tidak mampu “berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah” dengan filem luar tanpa mengetahui kedudukan yang sebenarnya.

Ada beberapa perkara yang membuktikan keadaan ini. Jika kita meninjau dari sudut pengusaha panggung, sebenarnya penerbit filem tempatan mendapat layanan kelas dua jika dibandingkan dengan penerbit filem luar negara. Untuk pengetahuan semua, pengusaha pawagam di negara kita sebenarnya sedang menghayun pedang membunuh industri perfileman tanah air. Salah satu daripada bukti yang jelas apabila kita bandingkan layanan pengusaha panggung terhadap filem keluaran tempatan dengan filem dari luar negara iaitu dari segi agihan kutipan tiket antara mereka. Terdapat perbezaan yang ketara dari sudut pengagihan kutipan antara pengusaha panggung dan penerbit filem tempatan dan luar negeri.

Sebagai perbandingan, apabila dua buah filem iaitu filem Barat dan filem tempatan bersaing pada waktu yang sama agihan kutipan berbeza. Pada minggu pertama tayangan filem tempatan, produser hanya mengambil 50 peratus daripada jumlah kutipan tiket manakala 50 peratus lagi dikaut oleh pengusaha pawagam. Apabila masuk minggu kedua, produser hanya merasa 45 peratus dari jumlah kutipan, sementara 55 peratus pergi ke pengusaha pawagam. Kutipan yang dikaut produser semakin kurang jumlahnya bila masuk minggu seterusnya. Kutipan ini berkemungkinan menurun sehingga 40 peratus manakala 60 peratus selebihnya dikaut oleh pengusaha pawagam.

Jika dibandingkan dengan filem Barat yang ditayangkan pada minggu pertama, penerbit Barat mengaut 60 peratus daripada jumlah kutipan, sementara 40 peratus sahaja yang diambil pengusaha pawagam. Di mana letaknya keadilan terhadap filem tempatan? Tempoh tayangan untuk filem tempatan juga tidak setanding filem luar. Kadang-kadang filem tersebut masih mendapat permintaan penonton, tetapi telah disekat tayangannya semata-mata mahu memberi peluang yang lebih luas pada filem luar. Bayangkan jika filem luar ditayangkan dalam 4 hingga 5 *hall*, sementara filem Melayu hanya dibuka untuk 1 hingga 3 *hall* sahaja untuk tayangan. Sememangnya kebelakangan ini tayangan filem tempatan sentiasa *full house*, tetapi jumlah *hall* yang dibuka untuk tayangan amat sedikit. Kadangkala hanya *hall* yang kecil sahaja diberi kepada filem tempatan.

Sebagai contoh, sewaktu filem arahan saya *Jutawan Fakir* sedang hangat disajikan kepada penonton, dalam waktu yang sama *Lord of the Ring: Return Of The King* (Peter Jackson, 2003),

juga menemui penonton pada tarikh yang sama. Kedua-dua buah filem mencatatkan *full house* pada hujung minggu, tetapi jika dilihat dari sudut jumlah *hall* yang diagihkan serta saiz *hall* yang diberikan nyata filem tempatan mendapat agihan yang kecil sahaja. Sejauhmana pula kita mengambil inisiatif untuk menangani permasalahan ini? Bagi pandangan saya, ini bukan masanya kita hendak menuding jari, hentam-menghentam antara satu dengan yang lain. Apa yang perlu kita lakukan ialah mencari jalan mengungkit kekusutan yang membelit industri perfileman kita.

Antara langkah-langkah yang boleh diambil ialah memberikan kepentingan sehabis mungkin terhadap filem tempatan. Contohnya pada musim perayaan, sebaiknya filem luar tidak perlu ditayangkan pada masa perayaan atau cuti sekolah dan hanya memberi peluang kepada filem tempatan sahaja. Perkara ini diamalkan di negara China sejak bertahun-tahun lalu bagi memastikan industri perfileman mereka selamat dan tidak dimonopoli oleh Barat. Mussolini biarpun berlandaskan Fasis, turut mempunyai hati yang jujur terhadap seni tempatan apabila menyekat dominasi Hollywood yang kukuh dengan filem ketika Perang Dunia Ke-2 hampir menghancurkan industri perfileman Eropah.

Sekatan yang dicadangkan ini bukan untuk mengakui bahawa kita gentar dengan Barat ataupun tidak mengamalkan *open market*, tetapi sekadar memberikan justifikasi kepada usaha-usaha anak seni tempatan menerbitkan filem. Sekurangnya-kurangnya dengan cara itu, penonton kita pasti tiada pilihan lain selain menonton filem tempatan pada hari cuti perayaan. Sekatan ini juga mampu menjadi landasan untuk mendidik penonton mencintai filem kita. Di samping itu, tidak timbul isu filem tempatan tiada pawagam untuk terus bersaing serentak. Beberapa filem tempatan boleh ditayangkan untuk penonton dan penonton mendapat peluang memilih filem yang mereka sukai tanpa had hari dan jumlah pawagam. Filem yang mendapat sambutan tinggi boleh bertahan lebih lama dan tidak dikeluarkan hanya semata-mata kerana filem Barat akan ditayangkan. Kita ambil contoh di negara Thailand. Seperti China, di sana, ketika cuti perayaan, tiada ruang untuk tayangan filem luar melainkan filem Thailand. Tempoh tayangan pula seboleh mungkin dipanjangkan selagi ada khalayak ingin menonton. Jika mereka boleh lakukan, kenapa tidak kita?

Kepada penerbit-penerbit filem pula, mereka perlu mencari ruang untuk mengadakan perbincangan, bersepakat untuk menyelesaikan kemelut ini. Ini bukan masanya untuk kita mencetuskan polemik, hentam-menghentam, bersengketa, mencipta isu dan kontroversi itu dan ini. Dalam waktu yang sama perlu juga memikirkan cara terbaik untuk meningkatkan jumlah pawagam yang terdapat di negara kita. Jumlah pawagam di Malaysia dari hari ke hari semakin susut. Apabila kita melihat dari sudut pemilik pawagam pula, nyata pawagam ditutup kerana pengusaha pawagam tidak mendapat pulangan yang secukupnya untuk terus bertahan. Akibatnya lebih baik pawagam ditutup dari menjalankan perniagaan yang tidak menguntungkan.

Bercerita soal kenapa penonton tempatan kita sukar ke pawagam untuk menonton filem terutama filem tempatan, khalayak penonton sebenarnya tidak boleh dipersalahkan seratus peratus. Seperti yang saya katakan, pawagam di negara kita amat kurang jumlahnya jika dibandingkan dengan pawagam di luar negara. Di Malaysia, bilangan pawagam sekitar 40 buah di seluruh negara dan 18 daripadanya terletak di Kuala Lumpur. Berbanding di Thailand dan Indonesia yang jumlah pawagamnya mencecah 300 hingga 400 buah. Kerana itulah penonton TV di negara kita jauh lebih ramai daripada penonton pawagam. Di negeri seperti Perlis dan Terengganu pula, tiada langsung pawagam di sana. Adalah sukar jika penduduk di dua buah negeri ini hendak ke Pahang atau Kelantan semata-mata untuk menonton wayang.

Perlu dicari jalan bagaimana pihak kerajaan boleh membantu pengusaha pawagam tempatan supaya dapat menjana industri filem tempatan. Antara perkara yang boleh dilakukan ialah mewajibkan setiap pusat membeli belah di pelusuk tanah air supaya menyediakan ruang pawagam sebagai satu daripada syarat mendapatkan lesen bagi menjalankan aktiviti perniagaan pusat membeli belah. Ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan kos sewaan yang tinggi yang ditanggung oleh pengusaha pawagam. Di samping itu kerajaan juga perlu mengadakan syarat supaya setiap permohonan untuk membuka kawasan Bandar Baru juga perlu mendirikan pawagam sebagai salah satu syarat lesen dikeluarkan. Apabila syarat sebegini dibuat secara tidak langsung akan dapat menambah jumlah pawagam serta penonton filem tempatan tidak perlu pergi jauh untuk mendapatkan peluang menonton filem kegemaran mereka. Kebetulan ada negeri dan daerah tertentu di tanah air yang tiada pawagam. Hasilnya kebanyakan peminat filem tempatan sanggup menanti untuk menonton filem tempatan menerusi VCD ataupun televisyen. Jadi yang pasti bilangan peminat filem tempatan bukanlah kecil tetapi mereka yang menonton filem tempatan di pawagam adalah terlalu rendah.

Kajian membuktikan bahawa sesetengah filem Melayu mencatatkan jumlah penonton yang mencecah 3 hingga 4 juta orang tetapi sayangnya mereka menonton menerusi VCD atau televisyen. Antara sebabnya kemudahan untuk menonton di pawagam tidak terdapat di sekitar kawasan kediaman mereka dan mereka pula terpaksa meredah puluhan kilometer untuk menonton filem. Dengan adanya garis panduan dan sokongan begini dari kerajaan jumlah pawagam akan dapat ditambah. Jika pawagam bertambah, penonton filem akan bertambah, kutipan filem akan menjadi semakin tinggi, jumlah modal terkumpul untuk menghasilkan filem akan bertambah. Dengan pertambahan modal, filem yang lebih berkualiti akan dapat dihasilkan, industri filem akan bertambah meriah dan akan menjadi salah satu industri yang menjana pendapatan negara.

## **Antara Hollywood dan “Malaywood”**

Ramai yang memberi komen kononnya filem kita tidak berkualiti dan tidak layak dipertandingkan pada peringkat antarabangsa. Ingin saya memberitahu di sini bahawa, kita sebenarnya kekurangan modal untuk membawa filem kita ke luar negara. Untuk membawa filem kita ke luar negara memerlukan perbelanjaan yang besar. Penerbit kita apabila membuat filem tidak memasukkan peruntukkan untuk membawa filem itu bertanding ke luar negara. Filem kita bukan tidak layak bertanding, tetapi kebanyakannya tidak ditaja untuk ke pertandingan luar negara. Peluang tajaan dan peluang sebeginilah yang didambakan oleh penerbit filem kita. Kalau di Hollywood mereka ada pertubuhan yang menyalurkan dana untuk membiayai filem mereka dari peringkat perbincangan hinggalah ke peringkat pengedaran dan pemasaran ke seluruh dunia. Contohnya Columbia TriStar, Walt Disney dan sebagainya. Sekurang-kurangnya jika filem itu tidak mengaut keuntungan, produser tidak menanggung kerugian seorang diri. Jika di negara kita wujud pertubuhan sebegini, penerbit kita akan berani menghasilkan filem tanpa risiko menanggung rugi. Kita pernah cuba wujudkan *E-Village* tetapi tidak diketahui di mana silapnya, *E-Village* gagal berfungsi seperti yang kita harapkan.

## **Filem Kita Tidak Bercirikan “Malaysia”**

Dalam keghairahan menghasilkan filem, pembikin filem tempatan atau penulis skrip tempatan sering terlupa bahawa di Malaysia terdapat pelbagai kaum. Jarang-jarang kita lihat percubaan untuk

menghasilkan filem yang bersifat "Malaysia." Walaupun memang benar bahawa 95 peratus penonton filem tempatan adalah Melayu tetapi itu tidak bermakna kita perlu hanya menekankan kepada penonton Melayu sahaja. Mungkin juga penonton bukan Melayu tidak berminat dengan filem tempatan kerana mereka sudahpun tahu bahawa kebanyakan filem tempatan hanya mefokuskan kepada budaya Melayu. Apabila semua filem tempatan memaparkan tentang kebudayaan Melayu, kaum India dan China yang tiada pilihan akan pilih filem luar yang lebih universal. Kita tidak dapat memaksa orang menerima dan belajar budaya kita saja, dalam masa yang sama kita juga perlu belajar dan menyelami budaya orang lain. Alangkah baiknya jika semua budaya bangsa masyarakat Malaysia diadun dalam sebuah filem, agar semua kaum bersatu hati ke pawagam menontonnya. Ini akan menjadikan masa depan filem Melayu gemilang.

Mungkin sebelum ini kita diuar-uarkan dengan filem *Ada Apa Dengan Cinta* (Rudi Soedjarwo, 2002) yang dianggap hebat. Filem ini tidaklah sehebat mana jika hendak dibandingkan dengan filem-filem keluaran Indonesia yang lain, tetapi dipasarkan secara meluas dan mendapat publisiti besar-besaran. Di Malaysia sendiri filem itu hanya mencatat kutipan RM200 ribu. Filem kita juga boleh setanding dengan kepopulartian filem tersebut jika diberi sokongan sebegitu rupa. Dalam hal ini bantuan dan sokongan padu dari wartawan amat diperlukan. Ini bukan bermakna wartawan yang sedia ada tidak berkerjasama memberi promosi kepada filem tempatan. Pihak wartawan diharapkan juga boleh memberi tumpuan khusus kepada filem tempatan dalam akhbar bahasa lain. Ini secara tidak langsung akan dapat menarik pelbagai bangsa menonton atau sekurang-kurangnya mengetahui mengenai perkembangan filem tempatan.

Menyentuh mengenai filem tempatan, kita sebenarnya sedang membandingkan filem tempatan dengan filem luar negara. Filem kita dihasilkan dengan bajet yang cukup kecil berbanding dengan filem luar yang bajetnya puluhan, malah ratusan juta ringgit. Pasaran dalam negara kita juga kecil. Filem kita berlegar dalam pasaran negara kita sahaja. Berbanding filem luar yang dipasarkan ke serata dunia. Menurut kajian, hanya 400 ribu penduduk negara kita yang pergi ke pawagam menonton wayang. Berbanding dengan lebih kurang 25 juta penduduk, jumlah ini adalah sangat kecil. Melihat kepada keadaan ini adalah sangat tidak adil untuk membandingkan filem kita dengan filem luar. Kita perlu memahami keadaan industri kita terlebih dahulu sebelum membuat penilaian ke atas filem kita. Mereka yang sentiasa *imenghentam* memperkatakan tentang kualiti filem kita sebenarnya tidak faham akan keadaan industri filem tempatan.

Berbicara tentang kualiti filem Malaysia, ia adalah sesuatu yang subjektif. Kalau kita melihat filem tempatan dari sudut pemasaran dan permintaan pengguna, nyata kualiti sesuatu filem perlu diukur dari sudut penerimaan sesuatu produk. Kalau pengguna tidak menyukai sesuatu produk maka produk itu akan tersadai di pasaran dan lama kelamaan kilang yang menghasilkan produk tersebut akan ditutup. Begitu juga halnya dengan filem, kalau tidak ditonton oleh penonton yang ramai maka filem ini akan hanya berada di pawagam dalam waktu yang singkat dan kemudiannya diganti filem lain. Pihak pawagam juga tidak boleh terus menerus menayangkan sesuatu filem yang tidak mendatangkan keuntungan. Pihak pengusaha pawagam perlu mempunyai sekurang-kurang 50 penonton bagi satu-satu tayangan sekiranya mereka tidak mahu menanggung kerugian.

Bagi saya juri sebenar yang menilai filem saya ialah penonton. Tanpa penonton industri filem kita takkan berjaya. Saya berpendapat bahawa filem yang berkualiti merupakan filem yang diterima penonton. Penonton kita kini sudah cukup bijak menilai kualiti sesuatu filem itu. Setakat ini Alhamdulillah, enam buah filem arahan saya telah dipertontonkan kepada peminat filem tempatan dan semuanya telah mencatat kutipan *box office*. Mengkaji psikologi manusia, sememangnya, naluri manusia suka kepada perkara-perkara yang menghibur dan meriangkan. Manakala penonton yang sukakan filem berat dan mencabar minda pula tidak ramai di Malaysia, kalaupun ada mungkin

mereka tidak ada masa atau tidak mahu menonton filem tempatan. Tidak ada salahnya menghasilkan “filem seni,” tetapi berapa ramai penerbit yang mahu mengambil risiko menerbitkan filem seni dan kemudian gagal mengaut keuntungan. Industri filem kita 90 peratus didukungi oleh golongan *average viewers* iaitu golongan yang pergi ke pawagam untuk tujuan berhibur.

## **Filem sebagai Medium Komunikasi**

Filem tidak boleh dilihat dari sudut seni semata-mata. Filem adalah salah satu medium komunikasi untuk mendidik masyarakat, menyampaikan sesuatu mesej kepada khalayak. Selama ini filem, teater dan seni persembahan lain diletakkan sebagai salah satu agenda dalam diari Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, sepatutnya perlu dilihat lebih daripada itu. Filem perlu turut diletakkan dalam agenda Kementerian Penerangan dan Komunikasi. Di sini peranan FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional) dan multimedia adalah penting untuk memastikan industri filem kita maju setaraf dengan medium komunikasi yang lain. Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan memainkan peranan agar filem lebih dihargai dari sudut seni, tetapi kita harus memahami situasi filem di negara kita bahawa filem seni tidak boleh dijual. Jika hendak jadikan filem satu industri filem perlu mendatangkan keuntungan. Untuk mendapat keuntungan, filem yang dihasilkan perlu menepati selera penonton. Di luar negara, masyarakat menonton untuk berhibur dan filem juga dijadikan medium untuk tujuan propaganda. Meninjau gaya hidup masyarakat di negara kita, setelah keletihan pulang dari pejabat, bergelumang dengan pelbagai masalah kerja dan peribadi, bukan masanya mereka mencari hiburan berat di pawagam. Mereka ke pawagam untuk merehatkan fikiran dan minda. Filem yang ditonton pastinya filem berunsur hiburan yang dapat “menyejukkan” minda.

## **Lembaga Penapisan Filem bukan Alasan**

Sesetengah penggiat filem menyatakan Lembaga Penapisan Filem (LPF) kita terlalu tegas hingga mengongkong kreativiti mereka untuk menghasilkan filem. Sebagai negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, kita tidak boleh mempersoalkan garis panduan yang telah ditetapkan. Persoalan tahyul, seks, dan ganas yang dilarang dalam setiap penerbitan bahan di negara kita seharusnya dihormati. Kalau difikirkan bukan adegan seks, tahyul dan ganas sahaja yang boleh dianggap seni dan kreatif, banyak lagi elemen yang boleh memaparkan kreativiti seseorang pengarah. Tahyul misalnya sesuatu yang subjektif dan mungkin boleh dipertikaikan. Adegan seks, tahyul dan keganasan yang memaparkan kengerian melampau tidak lagi perlu sekiranya sesuatu yang dihasilkan itu logik dan boleh diterima akal. Tidak semestinya kreativiti kita akan tercantas tanpa adanya adegan-adegan sebegini.

## **Mencipta Formula bagi Masa Depan Filem Kita**

Setakat mengarahkan 10 buah filem sehingga kini, banyak pengalaman yang telah saya timba dan jadikan pedoman untuk meneruskan perjuangan saya dalam industri perfileman tanah air. Minat saya dalam filem mula berputik ketika saya masih menjawat jawatan wartawan. Di samping



bekerja saya juga menulis skrip untuk drama TV dan radio. Apabila skrip saya dibeli untuk diterbitkan, saya juga telah sama-sama “turun padang” semasa proses penggambaran. Apa yang saya perhatikan ramai tenaga kerja yang lahir dalam industri filem terdiri daripada mereka yang mengutip kemahiran melalui pengalaman dan pemerhatian. Berbekalkan pengalaman dan sedikit kebolehan itulah mereka memperjuangkan nasib menjadi penggiat filem. Akibatnya, banyak pembaziran dilakukan oleh mereka.

Pembaziran dari segi masa, visual, tenaga kerja dan wang ringgit terjadi kerana kemahiran yang ditimba tidak pernah mencukupi dan tidak sempurna. Apabila saya yang bergelar pengarah, saya mencuba formula sendiri untuk mengelak keadaan begitu berulang lagi. Saya cuba melakukan kerja-kerja pengarah secara profesional dan efektif. Sedaya mungkin saya cuba mengurangkan perkara remeh-temeh dan mengelakkan pembaziran. Bila keadaan ini berlaku maka, saya dapat menyenangkan hati produser. Ini akan “mengikat” kepercayaan produser terhadap saya. Kerjasama akan menjadi mudah tanpa ada sebarang ketidakpuasan hati.

Berbicara mengenai masa depan filem kita, satu perkara yang kita perlu maklum adalah industri filem kita belum benar-benar menampakkan kejayaan. Di Hollywood sendiri industri di sana telah berusia lebih daripada 100 tahun. Berbanding industri kita yang baru berusia 60 tahun yang masih jauh ketinggalan. Perlu kita ingat bahawa mereka juga melalui detik-detik dan tahap-tahap seperti kita. Mungkin seratus tahun lagi, filem kita juga akan mencapai tahap seperti mereka. Dengan penambahan para ilmuwan dalam bidang perfileman, saya yakin lebih banyak filem bermutu akan dihasilkan. Jabatan Skrin di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam yang saya asaskan sendiri merupakan langkah jangka panjang melahirkan lebih ramai karyawan berilmu pada masa akan datang.

## **Rujukan**

- Akmal Abdullah. (2004, 20 Januari). Kutipan Filem Melayu 2003 Lebih RM24 Juta. *Berita Harian*, p. C7.
- Film Takings: Compulsory Screening (Syarat Wajib Tayang) for Local Films 2000-2003: (2003). <http://www.finas.gov.my>
- Industry Information: Audienceship 2002, 2003*. (2003). <http://www.finas.gov.my>
- Intan Rohaizat Zakariya. (2003, 9 Oktober). Pawagam MPP Pusat Kaji Selera Penonton. *Berita Harian*, p. C12.

---

A. RAZAK MOHAIDEEN, Associate Professor, teaches film directing at the Screen Department, Faculty of Performing Arts, UiTM, Shah Alam. He is also a prolific, well-known Malaysian film director.